

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,
Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai Pembiayaan ASB-i Hong Leong anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

Tarikh: _____

① Apakah Pembiayaan ASB-i Hong Leong?

Pembiayaan ASB-i Hong Leong ialah satu kemudahan pembiayaan berjangka dengan mencagarkan unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) / Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB2). Ia adalah kemudahan kadar keuntungan berubah dengan kadar keuntungan siling tetap. Kadar keuntungan efektif yang dikenakan adalah berdasarkan Kadar Asas Standard (SBR). Di bawah produk ini, Harga Jualan telah dihadkan pada Kadar Keuntungan Kontrak (CPR). Kontrak Syariah yang digunakan adalah Tawarruq di mana Tawarruq merujuk kepada dua kontrak jual beli. Jumlah pembiayaan maksimum yang dibenarkan untuk kemudahan ini adalah RM200,000 bagi setiap pelanggan untuk setiap dana.

② Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Pembiayaan ASB-i ini, sebagai ilustrasi

- Amaun pembiayaan anda: **RM**
- Ansuran bulanan anda: **RM**
- Tempoh pembiayaan anda: **tahun**
- Kadar Asas Standard*: **%**
- Kadar Keuntungan Efektif: **% setahun**
- Kadar Keuntungan Kontrak : **% setahun**

Secara keseluruhan anda akan membayar RM pada akhir tahun.

*SBR ditetapkan berdasarkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). SBR boleh meningkat atau menurun bergantung kepada perubahan dalam OPR.

Adalah tanggungjawab anda untuk:

- Baca dan fahami **terma penting** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.
- Bayar ansuran bulanan anda tepat pada masanya dan sepenuhnya untuk **tahun**. Hubungi kami jika anda ingin menjelaskan pembiayaan anda lebih awal.
- Pastikan anda mampu membayar ansuran yang lebih tinggi sekiranya OPR meningkat.
- **Hubungi kami segera** jika anda tidak mampu membayar ansuran bulanan anda.

Anda perlu membayar fi dan caj berikut:

Imbas untuk senarai penuh fi dan caj



③ Ketahui Risiko Anda

Apa yang berlaku jika anda gagal membayar ansuran bulanan anda?

1. Anda **membayar lebih secara keseluruhan** disebabkan caj pampasan (Ta'widh).
2. Kami mungkin **menolak** wang daripada akaun simpanan/-i atau semasa/-i anda dengan kami untuk menolak selesai baki pembiayaan anda dengan memberi notis 7 hari terlebih dahulu kepada anda.
3. Kami mungkin melupuskan unit ASB/ASB2 anda atau **mengambil tindakan undang-undang** terhadap anda.
4. **Skor kredit** anda mungkin terjejas hingga menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.

Ansuran bulanan anda mungkin meningkat semasa tempoh pembiayaan anda.

SBR mungkin meningkat disebabkan oleh kenaikan OPR yang ditetapkan oleh BNM. Kenaikan dalam SBR bermakna anda perlu membayar ansuran bulanan yang lebih tinggi.

	Kadar Semasa	Kadar meningkat sebanyak 1%	Kadar meningkat sebanyak 2%
Jumlah Pembiayaan	RM		
Tempoh	Years		
Ansuran bulanan			
Jumlah Keuntungan			
Jumlah Pembayaran			

④ Terma-Terma Utama Yang Lain

Perlindungan Takaful

Takaful Pengurangan Bertempoh ASB ("ARTT") adalah pilihan dan boleh dibiayai sebagai sebahagian daripada pembiayaan. ARTT membantu menyelesaikan amaun pembiayaan tertunggak anda sekiranya berlaku Kematian atau Hilang Upaya Kekal (TPD).

Penyelesaian Awal

Pihak Bank akan memberikan anda ibra' (rebat) bagi penyelesaian awal. Ibra' (Rebat) akan dikira mengikut formula berikut:

Ibra' (Rebat) penyelesaian awal = Baki Keuntungan Belum Diterima

Nota:

- Baki Keuntungan Belum Diterima = Jumlah Keuntungan – Keuntungan Terakru
- Jumlah Keuntungan = Harga Jualan – Amaun Pembiayaan
- Keuntungan Terakru dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif ke atas Amaun Pembiayaan tertunggak yang telah dikeluarkan.

Anda dikehendaki memaklumkan pihak kami sekiranya terdapat sebarang perubahan pada butiran perhubungan anda untuk memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, Pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan untuk Pembiayaan ASB-i anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
03-7626 8821



Layari kami di:
[www.hlbislamic.com
.my/asbf-bm](http://www.hlbislamic.com.my/asbf-bm)



E-mel kami di:
[customerservice@hlbb.hongleong
g.com.my](mailto:customerservice@hlbb.hongleong.com.my)



Imbas kod QR di
atas

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan mengetahui tujuan anda menandatangani.

- ✓ Saya mengaku bahawa Hong Leong Islamic Bank telah memberikan saya salinan PDS.
- ✓ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

**Pengakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.*

Tandatangan

Nama:

Tarikh: